



## MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

# PEMBERITAHUAN PUBLISITI BERKAITAN DENGAN PENYEDIAAN AWAL DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI 2035 (PENGANTIAN)

## (PUBLISITI DAN REPRESENTASI DI BAWAH SEKSYEN 12A AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976)

**NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI** bahawa Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) adalah berhasrat untuk menyediakan suatu draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri 2035 (Penggantian). Rancangan Tempatan ini akan menetapkan dasar dan cadangan baru bagi pembangunan dan guna tanah yang meliputi 9 petempatan utama di kawasan MBIP untuk tempoh 12 tahun yang akan datang mulai 2024 hingga 2035.

**DAN** menurut seksyen 12A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], MBIP hendaklah mengambil apa-apa langkah yang pada pendapat MBIP akan memastikan –

- “(a) *bahawa publisiti diberikan di dalam kawasannya mengenai draf rancangan tempatan yang disediakan, matlamatnya dan maksud bagi penyediaannya, dan perkara yang pihak berkuasa perancang tempatan bercadang untuk memasukkannya ke dalam rancangan itu;*
- (b) *bahawa orang yang mungkin dijangkakan ingin mendapatkan peluang untuk membuat representasi kepada pihak berkuasa perancang tempatan itu berkenaan dengan perkara itu menyedari bahawa mereka berhak mendapat, dan diberi, peluang untuk berbuat demikian.”*

**MAKA DENGAN INI** MBIP menjemput dan mempelawa orang awam, pemilik tanah, persatuan penduduk, pihak berkepentingan dan pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat pemeriksaan kepada perkara-perkara yang MBIP bercadang untuk mengambil kira di dalam penyediaan awal draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri 2035 (Penggantian) seterusnya boleh mengemukakan cadangan atau pandangan awal atau membuat representasi kepada pihak MBIP berhubung penyediaan draf tersebut mulai 2 November 2023 hingga 22 November 2023 di Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Jalan Medini 9, Bandar Medini Iskandar, 79250 Iskandar Puteri pada waktu pejabat.

Orang ramai juga boleh melayari laman web MBIP di talian <https://link.mbip.gov.my/RTIP2035> atau mengimbas kod QR untuk mengemukakan pandangan atau cadangan awal atau representasi dengan:

- i. **Mengisi borang soal selidik** secara atas talian;
- ii. **Mendaftarkan kehadiran** untuk menyertai **Sesi Town Hall**; atau
- iii. **Memberi maklum balas** melalui **Peta Komuniti**.



**Borang Soal Selidik  
Publisiti Awal**

[https://link.mbip.gov.my/  
SSelidik-RTIP](https://link.mbip.gov.my/SSelidik-RTIP)



**Layari Laman Web  
RTIP 2035 –  
Join the Conversation**

[https://link.mbip.gov.my/  
RTIP2035](https://link.mbip.gov.my/RTIP2035)

Maklumat atau keterangan lanjut:

Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri  
Jalan Medini Sentral 9, Bandar Medini Iskandar,  
79250 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim

Tel : 07 – 555 5000 / 5141 / 5137 / 5726 Laman Web : [www.mbip.gov.my](http://www.mbip.gov.my)

Email: [perancang@mbip.gov.my](mailto:perancang@mbip.gov.my) / [chew@mbip.gov.my](mailto:chew@mbip.gov.my) /  
[afiqahsabri@mbip.gov.my](mailto:afiqahsabri@mbip.gov.my)



## **PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN BAHARU DAN JEMPUTAN MEMBERI CADANGAN AWAL**

**MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (MBIP)** sedang dalam proses penyediaan Rancangan Tempatan baharu yang akan menetapkan dasar dan cadangan baru bagi pembangunan dan guna tanah untuk 12 tahun yang akan datang.

Rancangan ini meliputi 9 Petempatan Utama: **Iskandar Puteri, Skudai, Perling, Bukit Indah, Impian Emas, Kangkar Pulai, Gelang Patah, Tanjung Kupang dan Tanjung Pelepas.**

Kami amat berharap anda dapat meluangkan masa bersama MBIP untuk membentuk masa depan di mana penduduk akan tinggal, bekerja, membeli-belah, riadah dan akses ke kemudahan dan perkhidmatan.

Lawati laman web <https://link.mbip.gov.my/RTIP2035> atau imbas kod QR yang tertera untuk suarakan cadangan awal dan aspirasi anda melalui:

- i. Mengisi borang **soal selidik** secara atas talian (2 – 22 November 2023)
- ii. Mendaftarkan kehadiran untuk menyertai Sesi **Town Hall** (Tarikh tutup pendaftaran: 18 November 2023)
- iii. Memberi maklumbalas melalui **Peta Komuniti** (2 – 22 November 2023)

**\*Maklum balas terbaik (Perlu dikemukakan sebelum atau pada 14 November 2023)** berpeluang terpilih sebagai penerima **“Most Valuable Feedback”** dan akan menerima hadiah penghargaan daripada MBIP sempena **Karnival Iskandar Puteri 2023.**

**BERSAMA KITA KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR, MAMPAN DAN SEJAHTERA**

# JEMPUTAN MEMBERI CADANGAN AWAL BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN BAHARU

LAWATI PORTAL RANCANGAN TEMPATAN ISKANDAR PUTERI 2035 :



<https://link.mbip.gov.my/RTIP2035>

SERTA SOAL SELIDIK RANCANGAN TEMPATAN ISKANDAR PUTERI 2035  
SECARA ATAS TALIAN :



<https://link.mbip.gov.my/SSelidik-RTIP>




*Publisiti Awal*

**RANCANGAN** ISKANDAR  
**TEMPATAN** PUTERI  
**2035**

( R T M B I P 2 0 3 5  
( P E N G G A N T I A N )

 @mbipofficial

 MBIP- Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

 <https://www.mbip.gov.my>

# JEMPUTAN MEMBERI CADANGAN AWAL BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN BAHARU

DAFTARKAN MINAT ANDA UNTUK HADIRI SESI TOWN HALL  
SECARA FIZIKAL:



<https://link.mbip.gov.my/THall-RTIP>

UNDI ISU / CADANGAN YANG TELAH DIKEMUKAKAN  
OLEH KOMUNITI ANDA DI SINI :



<https://link.mbip.gov.my/Undi-RTIP2035>




*Publisiti Awal*

**RANCANGAN** ISKANDAR  
**TEMPATAN** PUTERI  
**2035**

( R T M B I P 2 0 3 5  
( P E N G G A N T I A N )

 @mbipofficial

 MBIP- Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

 <https://www.mbip.gov.my>